

**PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN PETANQUE
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(LELAKI/WANITA)**

1.0 PERATURAN AM PERTANDINGAN

- 1.1 Pertandingan ini adalah tertakluk kepada Undang-Undang Rasmi Permainan Petanque (*Official Rules for the Sport of Petanque*) yang ditetapkan oleh *Federation Internationale de Petanque et Jeu Provencial* (FIPJP) yang sedia terpakai dan pindaan-pindaannya yang dikuatkuasakan pada **1 Januari 2021** oleh Jawatankuasa Eksekutif FIPJP.
- 1.2 Pertandingan ini juga tertakluk kepada Undang-Undang Am dan **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
- 1.3 Sekiranya terdapat perselisihan dari segi pentafsiran Undang-Undang Permainan, Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris akan menjadi rujukan.
- 1.4 Semua kejadian am akan diputuskan berdasarkan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
- 1.5 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Khas Teknikal **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** berdasarkan kepada Undang-Undang *Federation Internationale de Petanque et Jeu Provencial* (FIPJP).
- 1.6 Semua keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Khas Teknikal **SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025** adalah **muktamad**.

2.0 TARikh PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 2.1 Taklimat Pengurus Pasukan : **10 Oktober 2025**.
- 2.2 Pertandingan ini akan bermula pada **11 hingga 16 Oktober 2025**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1 Pertandingan ini akan diadakan di:-
 - (i) **Gelanggang Petanque, MRSM, Tawau.**

4.0 PENDAFTARAN PEMAIN & JURULATIH

- 4.1 Lelaki dan Wanita.
- 4.1.1 Tiap-tiap Daerah boleh mendaftarkan maksima satu (1) Pasukan Lelaki dan satu (1) Pasukan Wanita yang terdiri daripada:

JAWATAN	LELAKI	WANITA
Pengurus		1
Jurulatih		2
Atlet	7	7

- 4.1.2 Hanya peserta yang lahir pada tahun 2005 hingga 2013 sahaja layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.
- 4.1.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet atau pindaan/pertukaran kategori perlu mengisi Borang Y (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.
- 4.1.4 Penambahan atau pertukaran kepada senarai pemain tidak dibenarkan semasa taklimat pengurus-pengurus pasukan.
- 4.1.5 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan 4.9**.
- 4.1.6 **Jurulatih sukan Petanque setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Asas Kejurulatihan, Sijil Kejurulatihan Tahap 1 atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

5.0 MESYUARAT PENGURUS PASUKAN DAN UNDIAN PASUKAN

- 5.1 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengesahkan senarai nama atlet semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan seperti mana yang diberikan dalam borang penyertaan semasa.
- 5.2 Senarai atlet yang disahkan semasa Mesyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad. Sebarang permohonan bagi penambahan, pertukaran atau gantian atlet tidak dibenarkan selepas mesyuarat tersebut.
- 5.3 Tarikh Mesyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum tarikh pertandingan dijalankan.
- 5.4 Taklimat Pengurus **hanya akan dihadiri oleh Pengurus Pasukan** yang berdaftar atau wakil yang diiktiraf dan **kehadiran jurulatih sebagai pemerhati sahaja**.
- 5.5 Undian pasukan akan diadakan selepas selesai mesyuarat Pengurus Pasukan dan penerangan oleh pihak pengajur kejohanan.
- 5.6 Setiap pasukan yang menyertai akan mengundi tanpa diwakilkan oleh pasukan lain yang hadir pada majlis tersebut.

6.0 PAKAIAN / PERALATAN

- 6.1 **Pemain-pemain hendaklah memakai pakaian seragam pasukan masing-masing. Dibenarkan hanya baju 'T' yang berkolar dan seluar slack atau 'track bottom'.**
- 6.2 **Pemain mestilah memakai kasut sukan yang bertutup bahagian hadapan dan belakang kaki sahaja semasa pertandingan.**
- 6.3 Pengelola Pertandingan tidak akan membenarkan pemain-pemain menyertai pertandingan sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut.
- 6.4 *Boules* yang dibenarkan untuk pertandingan adalah *boules* yang diiktiraf oleh FIPJP. Peserta tidak dibenarkan bermain sekiranya menggunakan *boules* yang tidak diiktiraf. *Boules* hendaklah disediakan oleh pasukan sendiri, pengelola pertandingan tidak menyediakan *Boules*.

- 6.5 *Jack* dan gelung tapak balingan (*prefabricated circle*) yang digunakan untuk pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pertandingan.
- 6.6 Setiap pasukan hendaklah menyediakan pita pengukur (*Measuring Tape*) sendiri untuk pemain dan pengelola pertandingan akan menyediakan pita pengukur panjang sahaja.
- 6.7 Kad Akreditasi pemain hendaklah dipamerkan sepanjang kejohanan.

7.0 SISTEM DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 7.1 Sistem pertandingan yang akan digunakan adalah *Swiss System*.**
- 7.2 Kedudukan Pemain sebelum pertandingan akan ditetapkan oleh jawatankuasa Teknikal secara undian rawak.
- 7.3 **Pemain / Pasukan akan bermain sekurang-kurangnya 3 kali perlawanan bagi menentukan ranking. Setiap mata terikat selepas 3 perlawanan, penentuan kedudukan rangking merujuk kepada perbezaan skor tertinggi bagi perlawanan lengkap sahaja (menang 13 mata); dan seterusnya rekod pertemuan sekiranya berkaitan.**
- 7.4 **Masa perlawanan adalah 1 jam 15 minit bagi acara *Double* dan *Triple* dan 1 jam sahaja bagi acara *Single*.**
- 7.5 **Tiga (3) mata akan diberikan kepada pasukan yang menang. Tiada keputusan Seri, *End* penentuan akan dimainkan bagi menetukan pemenang.**
- 7.6 **Hanya 16 pemain / pasukan di kedudukan teratas selepas 3 perlawanan akan layak ke pusingan kedua.**
- 7.7 Bagi acara Shooting, hanya lapan (8) peserta terbaik masuk ke pusingan Suku Akhir dan akan bermain secara kalah mati.

8.0 JENIS PERTANDINGAN

- 8.1 Pertandingan Perseorangan (*Single*), Berdua(*Double*), Bertiga (*Triple*) Berdua Campuran (*Mix Double*), Shooting dan Berpasukan.
- 8.2 Acara Berpasukan**
 - 8.2.1 Setiap pasukan boleh mendaftarkan maksima empat belas (14) orang pemain.
 - 8.2.2 Seorang pemain hanya boleh bermain untuk satu (1) acara sahaja pada setiap perlawanan.
 - 8.2.3 Pemain simpanan hanya boleh menggantikan pemain yang bermain untuk salah satu kategori sama ada Double atau Triple. Pertukaran pemain boleh dibuat pada bila-bila masa selepas tamat sesuatu End.
 - 8.2.4 Kategori yang dipertandingkan untuk acara Berpasukan adalah kategori Single, Double dan Triple sahaja.
 - 8.2.5 Pertandingan akan dijalankan menggunakan Swiss System. Sila rujuk Sistem dan Format pertandingan 7.3, 7.5 dan 7.6.**

8.2.6 Masa Perlawanan adalah 1 jam 15 minit.

8.3 Acara Individu

- 8.3.1 Seorang pemain boleh mengambil bahagian untuk **dua (2) acara Individu** iaitu pilihan bagi acara **Single** atau **Double** atau **Triple** atau **Mix Double** dan tambahan bagi acara **Shooting**.
- 8.3.2 **Hanya pemain yang DIDAFTARKAN dalam Acara Berpasukan sahaja yang Layak bermain dalam acara Individu.**
- 8.3.3 Tiada pertukaran pemain dibenarkan selepas pendaftaran acara individu dilakukan.
- 8.3.4 Setiap pasukan dibenarkan untuk mendaftarkan seorang (1) pemain lelaki dan seorang (1) wanita untuk acara Berdua Campuran (*Mixed Double*).
- 8.3.5 Setiap pasukan hanya boleh menghantar penyertaan dengan kadar maksimum seperti berikut:

ACARA	BILANGAN ATLET KATEGORI LELAKI & WANITA
Berpasukan (Wajib Daftar)	7 Lelaki & 7 Wanita
Perseorangan (<i>Single</i>)	1 Lelaki & 1 Wanita
Berdua (<i>Double</i>)	2 Lelaki & 2 Wanita
Bertiga (<i>Triple</i>)	3 Lelaki & 3 Wanita
Berdua Campuran (<i>Mix Double</i>)	1 Lelaki & 1 Wanita
Shooting (<i>Single</i>)	1 Lelaki & 1 Wanita

8.4 Acara Shooting

- 8.4.1 Semua pemain akan bertanding pada pusingan awal secara terbuka.
- 8.4.2 Empat (4) orang pemain yang mengumpul mata tertinggi, layak ke peringkat Suku Akhir secara automatik.
- 8.4.3 Dua belas (12) orang pemain yang mengumpul mata tertinggi (*ranking* 5-16) akan bermain pusingan *repechage* bagi melayakkan diri ke peringkat Suku Akhir.
- 8.4.4 Sekiranya pemain ke 17 dan seterusnya mempunyai mata yang sama dengan pemain di kedudukan yang ke 16, mereka juga layak masuk ke pusingan *repechage*.
- 8.4.5 Pemain yang layak ke pusingan *repechage* akan bertanding sekali lagi secara terbuka. Mata yang mereka perolehi dipusingan pertama akan diambil kira dan dibawa ke pusingan *repechage*. Empat (4) orang pemain yang mengumpul mata tertinggi, layak ke peringkat Suku Akhir dengan ketetapan seperti berikut :



8.4.6 Pemenang perlawanan Separuh Akhir akan bertanding merebut pingat emas dan pasukan yang kalah akan bertanding merebut pingat gangsa.

9.0 HADIAH

9.1 Pingat-pingat akan disediakan seperti berikut:

ACARA	EMAS		PERAK		GANGSA	
Men Single	1	(1)	1	(1)	1	(1)
Women Single	1	(1)	1	(1)	1	(1)
Men Double	1	(2)	1	(2)	1	(2)
Women Double	1	(2)	1	(2)	1	(2)
Men Triple	1	(3)	1	(3)	1	(3)
Women Triple	1	(3)	1	(3)	1	(3)

Mix Double	1	(2)	1	(2)	1	(2)
Men Teams (Single/Double/Triple)	1	(7)	1	(7)	1	(7)
Women Teams (Single/Double/Triple)	1	(7)	1	(7)	1	(7)
Men Shooting	1	(1)	1	(1)	1	(1)
Women Shooting	1	(1)	1	(1)	1	(1)
JUMLAH KESELURUHAN:	11	(30)	11	(30)	11	(30)

10.0 KELEWATAN

- 10.1 Semua pemain hendaklah melaporkan diri kepada Pengadil Kehormat setelah namanya diumumkan untuk bermain.
- 10.2 Pasukan yang tidak berada di gelanggang **lima (5) minit** selepas pengumuman keputusan pengundian, akan didenda 1 mata yang diberikan kepada pasukan lawan dan selepas itu. Jika masih tidak hadir juga dendaan 1 mata akan diberikan kepada pasukan lawan bagi setiap **lima (5) minit** berikutnya. Jika masih tidak hadir dalam masa **tiga puluh (30) minit** maka lawannya akan diberikan kemenangan percuma.

11.0 PERLAWANAN YANG DITUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

- 11.1 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai, keadaan cuaca buruk, kekacauan, rusuhan atau kerana hal-hal tidak dijangkakan dan perlawanan tidak dapat dimainkan atau diteruskan, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu hendaklah dilangsungkan pada, tempat dan masa yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

12.0 BANTAHAN

- 12.1 Hanya Pengurus Pasukan sahaja dibenarkan membuat bantahan. Jurulatih boleh mengambil alih tugas ini jika Pengurus Pasukan tidak bersama pasukan ketika itu. Bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan disertakan dengan wang cengkeram sebanyak **RM200.00**. Wang cengkeram akan luput jika bantahan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar. Jika bantahan diterima, wang cengkeram akan dikembalikan.
- 12.2 Setiap bantahan hendaklah dihantar kepada Pengarah Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas pertandingan itu tamat.
- 12.3 Jawatankuasa Bantahan akan dipengerusikan oleh Pengarah Pertandingan, Pengerusi Jawatankuasa Pengelola/Wakil dan tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan tersebut.
- 12.4 Jawatankuasa Bantahan menentukan samada peserta tersebut layak memenangi pingat atau tidak apabila keputusan bantahan telah dibuat.

13.0 JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB

- 13.1 Pelantikan Ahli-ahli Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib adalah seperti berikut:
- i. Setiausaha, Persatuan Sukan Boules Sabah;
 - ii. Pengarah Pertandingan yang dilantik oleh Persatuan Sukan Boules Sabah (yang akan memanggil dan mempengerusikan mesyuarat);
 - iii. Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat dalam kes bantahan itu;
 - iv. Referi Kehormat/**Ketua Arbitre** Kejohanan;
 - v. Wakil Urus Setia **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
- 13.2 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Referi Kehormat dan akan membuat keputusan sama ada tindakan tatatertib perlu diambil.
- 13.3 Jawatankuasa Bantahan/Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan untuk membuat sesuatu keputusan.

14.0 LAIN-LAIN HAL

- 14.1 Jawatankuasa Teknikal berhak meminda mana-mana perkara dalam peraturan ini untuk tujuan melicinkan perjalanan pertandingan